

RM1.7 bilion STR Fasa 2 disalur berperingkat Isnin

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menyalurkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 secara berperingkat mulai Isnin depan kepada hampir sembilan juta penerima membabitkan peruntukan RM1.7 bilion, berbanding RM1.5 bilion tahun lalu.

Kementerian Kewangan (MoF) dalam kenyataan semalam berkata bantuan sehingga RM650 itu bakal diterima 60 peratus penduduk dewasa bagi empat kategori iaitu isi rumah berpendapatan kurang RM2,500, isi rumah berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000, warga emas tiada pasangan dan bujang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan prihatin terhadap kos sara hidup rakyat terutama bagi membuat persiapan sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

“Kerajaan MADANI kekal peka akan keperluan golongan terbanyak dalam mengharungi beban kos sara hidup, lebih-lebih lagi menjelang Aidilfitri.

“Peningkatan peruntukan STR dan SARA (Sumbangan Asas Rahmah) pada 2025 sebanyak RM3 bilion atau 30 peratus kepada RM13 bilion adalah ikhtiar untuk meningkatkan martabat hidup rakyat secara saksama,” katanya.

Pembayaran STR akan dibuat

melalui pengkreditan ke dalam akaun bank penerima yang mempunyai akaun bank atau disalurkan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi penerima yang tiada akaun bank termasuk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kadar bayaran STR Fasa 2 adalah mengikut kategori, bagi isi rumah berpendapatan di bawah RM2,500, mereka akan menerima bayaran bermula RM150 hingga RM650, sementara bagi kategori isi rumah berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000 akan menerima bantuan RM100 hingga RM300, warga emas tiada pasangan menerima RM150 dan bujang (RM150).

MoF turut memaklumkan, pendekatan terkini kerajaan adalah membuka pendaftaran STR 2025 sepanjang tahun bagi memberi ruang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada bantuan.

Sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data STR, mereka perlu membuat permohonan bagi membolehkan proses pengesahan mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan.

Maklumat lanjut mengenai semakan status kelayakan STR dan soalan lazim (FAQ) boleh didapati di portal rasmi STR melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>.